

Pembentukan Kemahiran Insaniah melalui Badan Beruniform Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Masitah Mohd Ali* dan Siti Fadzlina Mohamad Asri

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

*Pengarang perantara: masitah@psa.edu.my

Abstrak

Pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa adalah penting dalam mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi cabaran dunia moden yang semakin kompleks. Hal ini kerana, apabila mahasiswa ingin melangkah ke alam pekerjaan, mereka akan dinilai dalam pelbagai aspek oleh majikan. Di politeknik, mahasiswa diberi peluang untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum seperti persatuan, kelab, sukan serta badan beruniform. Melalui penglibatan kokurikulum ini, mereka dapat membangunkan kemahiran insaniah dalam melahirkan mahasiswa yang berholistik, berkualiti tinggi, dan berketrampilan. Objektif kajian ini dilakukan bagi mengukur elemen-elemen kemahiran insaniah yang telah diterap dalam diri mahasiswa sepanjang penglibatan dalam Badan Beruniform Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Selain itu, objektif kajian juga adalah untuk mengkaji apakah kemahiran insaniah yang paling tinggi diperolehi oleh mahasiswa RELASIS PSA. Seramai 45 orang mahasiswa PSA yang berdaftar sebagai ahli RELASIS bagi sesi 2 2023/2024 dipilih sebagai responden kajian. Analisis data yang bersifat kuantitatif akan menilai empat elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran etika dan moral, kemahiran kerja berpasukan serta kemahiran kepimpinan melalui penglibatan aktiviti yang dijalankan seperti kawad kaki, ujian menembak, rempuh halangan dan program kesukarelawan. Hasil dapatan kajian, didapati bahawa kemahiran insaniah kerja berpasukan merupakan nilai min paling tinggi iaitu 4.69 diikuti dengan kemahiran etika dan moral (4.53), kemahiran berkomunikasi (4.42) dan kemahiran kepimpinan (4.31). Secara keseluruhan, kajian ini memberi impak yang positif bahawa penyertaan mahasiswa dalam unit beruniform khususnya RELASIS dapat membentuk kemahiran insaniah dan akan mencadangkan pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan lagi aspek kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar RELASIS PSA pada masa kelak.

Kata Kunci: *Badan Beruniform Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS), Kemahiran Insaniah, Kokurikulum, Mahasiswa, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).*

1.0 Pengenalan

Melahirkan mahasiswa yang berkualiti adalah matlamat utama dalam institusi pendidikan dan tidak hanya bertumpukan kepada kurikulum semata-mata, namun perlu kepada pembangunan insaniah serta personaliti selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, penting untuk menawarkan pelbagai aktiviti kokurikulum seperti badan beruniform, sukan, kelab, kesenian, persatuan serta aktiviti bersifat sukarela yang menyokong kepada pembangunan holistik mahasiswa.

Dalam sistem pendidikan Politeknik Malaysia terdapat pelbagai medium yang boleh direbut oleh mahasiswa untuk meningkatkan keterampilan serta keperibadian. Contohnya, di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) setiap mahasiswa semester satu dan dua wajib menyertai mana-mana kegiatan kokurikulum seperti badan beruniform, sukan permainan atau kelab yang ditawarkan pada semester tersebut. Ini menunjukkan bahawa politeknik turut menyediakan ruang serta insaniah dan secara langsung menyokong peluang kerjaya mereka pada masa hadapan.

Kemahiran insaniah amat perlu kerana kemahiran ini memberi nilai tambah dalam pencapaian mahasiswa sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Menurut Presiden Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM), Soh Thian Lai dalam (Reza, 2024) menyatakan bahawa graduan dilihat sebagai individu yang rajin serta cenderung mempunyai kebolehsesuaian budaya dan kerja dengan baik dalam pasukan tetapi tiada kemahiran insaniah, pemikiran kritis dan inovatif. Rentetan itu, mahasiswa hendaklah membentuk kemahiran insaniah bermula daripada sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi agar mudah menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan kelak. Menurut (Abu, et al., 2009) kemahiran insaniah adalah kemahiran yang dimiliki oleh individu untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran khusus yang dimiliki.

Matlamat penubuhan Badan Beruniform Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS) sebagai badan beruniform di politeknik adalah untuk memperkasakan kemahiran insaniah, memupuk nilai jati diri dan menyemai semangat patriotik di samping membina semangat kerjasama serta kesukarelaan antara mahasiswa dan masyarakat. Manakala objektif penubuhan RELASIS adalah untuk melatih mahasiswa mengenai konsep kesukarelaan melalui aktiviti kemasyarakatan bagi menjamin kesejahteraan, keselamatan, dan keamanan setempat.

Berdasarkan kurikulum RELASIS yang ditetapkan, selama 28 jam ditetapkan dalam satu semester dengan jam pertemuan bersemuka dua jam bagi setiap minggu selama 14 minggu. Pengajar dan jurulatih yang dilantik bertanggungjawab untuk berkongsi ilmu, memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar RELASIS. Selain daripada pembelajaran di dalam kelas, RELASIS PSA juga turut mengadakan aktiviti di luar kelas. Antara aktiviti RELASIS PSA yang telah dijalankan seperti kawad kaki, ujian kemahiran menembak RELA, kursus asas RELA, program kesukarelawan dan sebagainya.

Justeru itu, rentetan daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan, pengkaji terpanggil untuk membuat kajian bagi mengukur elemen-elemen dalam kemahiran insaniah yang dapat dibentuk apabila mahasiswa menyertai badan beruniform RELASIS di PSA di samping mengkaji apakah kemahiran insaniah yang paling tinggi diperolehi oleh mahasiswa RELASIS PSA. Menggunapakai empat daripada tujuh dimensi kemahiran insaniah yang akan dinilai iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran etika dan moral, kemahiran kerja berpasukan serta kemahiran kepimpinan. Item kemahiran insaniah ini dinilai berdasarkan penilaian aktiviti-aktiviti RELASIS PSA yang telah dilaksanakan seperti latihan kawad, ujian menembak, rempuh halangan dan program kesukarelawan sepanjang sesi pengajian 2023/2024.

2.0 Sorotan Kajian

Kemahiran insaniah diertikan sebagai satu set kemahiran untuk membangunkan modal insan secara seimbang berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan di samping berasaskan pegangan teguh terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara (Abu Samah , Surat , & Rahman , 2022) . Menurut (Mohamed, 2014) kemahiran insaniah diperlukan oleh mahasiswa selain daripada kepintaran akademik walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran khusus tentang kemahiran insaniah. Mahasiswa sepatutnya peka dengan kemahiran insaniah bagi memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja. Selain itu, menurut (Elias, Hamzah , Abdul Razak , & Muhammad Nor , 2018) kemahiran insaniah adalah intipati yang diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dalam pelbagai aspek kehidupan. Perkara ini sehaluan dengan pandangan (Mat, Noordin, Abdullah, Muslim, & Alias, 2017) iaitu kemahiran insaniah membantu individu membentuk peribadi yang seimbang dalam kehidupan. Kemahiran insaniah ini acapkali kita mempraktikkan dalam kehidupan seharian seperti berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan sebagainya namun kita alpa yang hakikatnya kita telah menanamkan kemahiran tersebut. Manakala menurut, (Mansor, 2008) menyatakan bahawa kemahiran insaniah merupakan kriteria yang dititikberatkan oleh pihak industri dalam pengambilan pekerja.

Menurut (Pustaka, 2017), kokurikulum memberi makna aktiviti selain subjek yang diajar di dalam kelas tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan. Selain itu juga, menurut (Mohd Tahir & Othman, 2010) kokurikulum adalah aktiviti berpasukan melibatkan penyertaan yang aktif bermatlamat untuk meningkatkan perkembangan kemahiran insaniah. Di samping itu, badan beruniform adalah sebahagian daripada cabang dalam kokurikulum antaranya seperti Pandu Puteri, Relasis, Pengakap, Wataniah dan sebagainya. (Mohd Tahir & Othman, 2010), berpendapat bahawa dengan mengikuti badan beruniform pelajar dapat menimba ilmu, kemahiran serta pengalaman bagi memberi keyakinan tinggi dalam membuat keputusan.

(Mohamed, 2014) berpendapat melalui penglibatan mahasiswa dalam unit beruniform, mereka dapat meningkatkan ketahanan mental dan fizikal, semangat patriotik dan semangat kerja berpasukan. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kokurikulum badan beruniform mampu menerapkan

nilai-nilai murni seperti disiplin yang tinggi, menyemai unsur jati diri, bekerjasama dalam kumpulan dan melatih menjadi pemimpin yang baik.

3.0 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menjurus kepada kajian deskriptif untuk menilai tahap kemahiran insaniah pelajar badan beruniform RELASIS PSA. Sampel kajian terdiri daripada 45 orang pelajar RELASIS PSA semester 2 dan 4 bagi sesi 2 2023/2024. Borang soal selidik adalah instrumen kajian yang terdiri daripada beberapa soalan yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat daripada responden. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan dimodifikasi daripada kajian (Zakaria, Mokhtar, & Muhamad Darus, 2023) sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A mengandungi soalan yang bertujuan untuk mendapatkan data demografi responden seperti jantina, semester, jabatan pengajian dan umur. Manakala Bahagian B pula, mengandungi soalan berkaitan elemen-elemen kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan serta kemahiran etika dan moral yang dibentuk sepanjang penglibatan dalam badan beruniform RELASIS. Set soal selidik ini menggunakan lima skala Likert iaitu lima (5) (Sangat Setuju), empat (4) (Setuju), tiga (3) (Kurang Setuju), dua (2) (Tidak Setuju) serta satu (1) (Sangat Tidak Setuju). Skala Likert lima telah dipilih kerana nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan memberi ruang pilihan yang banyak kepada responden untuk membuat pilihan yang tepat (Konting M. , 2004). Responden telah dipohon untuk menjawab soalan soal selidik menggunakan format Google Form dan data tersebut dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 29. Semua dapatan yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan bil, peratusan dan skor min.

4.0 Analisis dan Perbincangan

Jadual 1 di atas menunjukkan data demografi responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan jantina, semester, jabatan dan umur. Responden adalah terdiri daripada pelajar Badan Beruniform RELASIS, PSA bagi sesi 2 2023/2024. Berdasarkan Jadual 1 tersebut, bilangan responden perempuan melebihi daripada responden lelaki dengan perbezaan peratus sebanyak 2.2%. Dari segi semester, semester 2 seramai 38 orang (84.4%) dan semester empat seramai 7 orang (15.6%). Manakala dari segi jabatan, pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) paling ramai menyertai RELASIS iaitu 19 orang (42.2%), diikuti dengan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) 17 orang (37.8%), pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) 5 orang (11.1%) dan Jabatan Perdagangan 4 orang (8.9%). Majoriti pelajar berumur 18-19 tahun iaitu seramai 32 tahun (71.1%) dan berumur 20-21 tahun seramai 13 orang (28.9%).

Jadual 1: Demografi responden

Kategori	Profil	Bil	Peratus
Jantina	Lelaki	22	48.9%
	Perempuan	23	51.1%
Semester	Dua	38	84.4%
	Empat	7	15.6%
Jabatan	JKE	17	37.8%
	JKA	19	42.2%
	JKM	5	11.1%
	JPG	4	8.9%
Umur	18-19 tahun	32	71.1%
	20-21 tahun	13	28.9%

Seterusnya dalam mengukur tahap kemahiran insaniah, pengkaji menggunakan Jadual Interpretasi Skor Min daripada (Wiersma, 2000) berdasarkan Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Interpretasi Skor Min

Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 - 2.33	Rendah
2	2.34 - 3.67	Sederhana
3	3.68 - 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Wiersma, 2000

Jadual 3 menunjukkan nilai skor min kemahiran insaniah yang diperolehi melalui maklum balas responden terhadap instrument kajian yang telah dinilai. Semua item mendapat nilai skor min melebihi nilai 4 dan ini menunjukkan bahawa mahasiswa RELASIS PSA bersetuju terhadap pernyataan yang diberi bagi menilai tahap kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa RELASIS PSA. Empat kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran etika dan moral, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan yang dinilai membuktikan nilai tahap penguasaan berada di tahap tinggi. Ini menampakkan penganjuran aktiviti dalam Unit Beruniform RELASIS memberi impak kepada penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa RELASIS PSA.

Data daripada analisa dalam Jadual 3, memperlihatkan bahawa kemahiran insaniah kerja berpasukan jelas membentuk hubungan yang baik antara penglibatan pelajar apabila menyertai badan beruniform RELASIS PSA berdasarkan skor min yang paling tertinggi. Aktiviti kawad kaki dan rempuh halangan melibatkan kerja berpasukan atau kerja secara berjemaah di mana setiap mahasiswa akan bekerjasama dan bergading bahu untuk memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Dalam perkara ini, secara langsung interaksi ahli kumpulan dan bekerja secara efektif dalam kumpulan dapat diaplikasikan oleh setiap mahasiswa. Jelaslah, kemahiran ini paling tinggi dipraktikkan oleh mahasiswa untuk mencapai hala tuju dan menghasilkan kejayaan bersama.

Jadual 3: Elemen Kemahiran Insaniah

Elemen Kemahiran Insaniah	Skor min	Tahap
KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI	4.37	Tinggi
1. Boleh menyampaikan pendapat dengan jelas		
2. Boleh menyampaikan pendapat kepada sesiapa dengan yakin	4.31	Tinggi
3. Boleh mendengar secara aktif	4.53	Tinggi
4. Boleh memberi maklum balas dengan baik semasa berkomunikasi	4.46	Tinggi
KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN		
1. Boleh membina hubungan baik dalam pasukan	4.68	Tinggi
2. Boleh berinteraksi dengan semua ahli dalam pasukan	4.68	Tinggi
3. Boleh bekerja dengan efektif dalam pasukan	4.71	Tinggi
4. Boleh memainkan peranan dalam mencapai matlamat pasukan	4.68	Tinggi
KEMAHIRAN KEPIMPINAN		
1. Boleh menjadi ketua dalam pasukan	4.17	Tinggi
2. Boleh mengurus ahli dalam pasukan	4.28	Tinggi
3. Boleh menerima perbezaan pendapat dalam pasukan	4.57	Tinggi
4. Boleh menguruskan konflik dalam pasukan	4.20	Tinggi
KEMAHIRAN ETIKA DAN MORAL		
1. Boleh melaksanakan tugas dengan beretika	4.53	Tinggi
2. Boleh menerapkan nilai-nilai murni dalam diri	4.60	Tinggi
3. Mempunyai rasa tanggungjawab kepada masyarakat	4.55	Tinggi
4. Mengelakkan diri daripada terjebak gejala sosial	4.44	Tinggi

Kemahiran insaniah yang mendapat min kedua tertinggi ialah kemahiran etika dan moral. Analisis data ini mentafsirkan bahawa mahasiswa RELASIS PSA boleh menerapkan nilai-nilai murni dalam diri selari dengan matlamat penubuhan RELASIS di politeknik. Mahasiswa RELASIS PSA juga mengetahui akan akibat daripada perlakuan yang tidak beretika dan bermoral kerana badan beruniform telah menetapkan peraturan tertentu yang wajib diikuti oleh ahli. Selain itu, RELASIS dilatih dengan sikap penuh berdisiplin semasa dalam aktiviti kawad kaki dengan bantuan jurulatih yang datang daripada bidang profesion serta mempunyai tauliah daripada Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Seterusnya dapatan Jadual 3 bagi kemahiran insaniah dari aspek kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Ini menandakan bahawa mahasiswa RELASIS PSA berupaya menyampaikan pendapat dengan jelas, memberi maklum balas dengan baik dan boleh mendengar secara aktif dalam pasukan. Ini terbukti semasa sesi kawad kaki dijalankan, ketua platun akan memberi arahan melalui lisan dan akan disambut oleh platun yang lain melalui komunikasi badan iaitu pergerakan kaki dan tangan. Ini jelas

menunjukkan bahawa RELASIS mempunyai komunikasi yang baik dalam pasukan berdasarkan komunikasi secara lisan mahupun bukan lisan.

Kemahiran kepimpinan berada pada tahap rendah berbanding dengan kemahiran insaniah yang lain namun purata min masih lagi tinggi iaitu 4.31. Kajian ini menunjukkan bahawa responden boleh menerima perbezaan pendapat dalam pasukan, mampu mengurus konflik pasukan serta boleh menjadi ketua dalam pasukan. Perkara ini menjelaskan bahawa RELASIS PSA berkebolehan untuk memimpin orang lain serta mampu menyambut kritikan yang membina untuk menjadi manusia yang lebih baik.

Jadual 4: Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Skor min	Tahap
Kemahiran berkomunikasi	4.42	Tinggi
Kemahiran kerja berpasukan	4.69	Tinggi
Kemahiran kepimpinan	4.31	Tinggi
Kemahiran etika dan moral	4.53	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 di atas, menunjukkan nilai purata min bagi empat kemahiran insaniah. Jadual mendapati nilai min untuk kemahiran kerja berpasukan (4.69) lebih tinggi berbanding dengan nilai min untuk kemahiran insaniah yang lain. Seterusnya nilai min kedua tertinggi ialah kemahiran etika dan moral (4.53), diikuti dengan kemahiran berkomunikasi 4.42. Manakala kemahiran kepimpinan pula mencatatkan nilai min yang paling rendah dalam kemahiran insaniah iaitu 4.31.

5.0 Rumusan dan Cadangan

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa elemen-elemen kemahiran insaniah dapat diterapkan dan diaplikasikan melalui aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Di samping itu, kajian ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya penganjuran aktiviti-aktiviti daripada Badan Beruniform Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS PSA), mahasiswa berpeluang meningkatkan lagi elemen-elemen kemahiran insaniah.

Namun begitu, terdapat cadangan sebagai penambahbaikan pada masa akan datang yang tidak boleh dipandang enteng oleh pihak institusi. Kajian yang dinilai ini, hanya berfokus kepada empat daripada tujuh elemen kemahiran insaniah sahaja. Oleh itu, kajian susulan wajar dikaji tiga lagi kemahiran insaniah yang tidak dinilai dalam kajian ini seperti kemahiran pembelajaran berterusan, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah serta kemahiran keusahawanan.

Kemahiran kepimpinan wajar diberi perhatian oleh pihak pensyarah RELASIS PSA dalam melahirkan pelajar yang berkaliber dan berwibawa. Ini kerana kemahiran kepimpinan merupakan kemahiran yang paling rendah dan perlu ditengahkan bakat-bakat kepimpinan dengan menganjurkan aktiviti atau program yang bercorak ke arah pembangunan kepimpinan

secara berkala mahupun berterusan. Selain itu, boleh juga dengan melatih setiap mahasiswa RELASIS PSA dengan mengambil peranan bersilih ganti sebagai seorang ketua dan ahli dalam pasukan mengikut giliran setiap minggu. Dengan itu, secara langsung dapat melatih mereka menjadi orang yang berani dan boleh menjadi ketua dalam pasukan.

Tugasan penilaian berterusan sama ada secara formatif mahupun sumatif perlu diperhalusi agar dapat mencetus kepada kemahiran insaniah. Sebagai contoh, pensyarah boleh menilai dengan memasukkan satu elemen kemahiran insaniah yang sesuai dalam rubrik penilaian pelajar. Jurulatih dan pensyarah berperanan juga dengan menerangkan dengan jelas kepada mahasiswa kemahiran insaniah yang boleh mereka capai bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Manakala di pihak mahasiswa, mereka boleh mencatatkan refleksi kemahiran insaniah yang mereka dapat setiap kali mengikuti aktiviti RELASIS. Dengan itu, penerapan kemahiran insaniah akan lebih berkesan dan tersemam dalam diri sanubari mahasiswa RELASIS PSA.

Rujukan

- Abdul Aziz, N., & Amir, R. (2017). Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah Teknik Dan Kolej Vokasional. *Konvensyen Kaunseling Kebangsaan 2017*, 1-5.
- Abd Razak , M. (2019). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah Di Klang. *Malaysian Online Journal Of Education*, 69-80.
- Abu Samah , N., Surat , S., & Rahman , S. (2022). Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Dan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*, Volume 7, Issue 41-12, 1-12.
- Abu, M., Kamaruddin , M., Abu Bakar, Z., Ibrahim, M., Megat Zakaria, M., & Bunyamin , M. (2009). Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. (Pp. 1-10). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Elias, F., Hamzah , M., Abdul Razak , K., & Muhammad Nor , M. (2018). Elemen Kemahiran Insaniah Dalam Pendekatan Berpusatkan Pelajar Pengajaran Akidah Sekolah Rendah . *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* , 113-122.
- Konting, M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan Dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum Di UTHM*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mat, N., Noordin, M., Abdullah, N., Muslim, N., & Alias, J. (2017). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar Melalui Badan Beruniform Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 20 (1), 33-46.
- Md Nor, M., Syed Mudayah, S., Syed Ambon, S., Yassin , Z., & Mohamad Hashim , J. (2018). Kemahiran Insaniah Sebagai 'Key Competencies' Guru Pelatih Elektif Pendidikan Jasmani Di Institut Pendidikan Guru.

- Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018 (Pp. 141-149). Terengganu : Universiti Sultan Zainal Abidin
- Megat Zakaria, M., Aris, B., Harun, J., & Abd Hamid, M. (2007). Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007, (Pp. 1-6).
- Mohamed, F. (2014). Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Konteks Membina Insan Berkepimpinan Di Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Kokurikulum Di Universiti. Seminar Penyelidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 1-11.
- Mohd Dazali , N., & Awang , M. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 44-56.
- Mohd Shahrane, I., Mohd Jamil, J., Abdullah, H., & Taib, A. (2021). Keberkesanan Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Aktiviti Kokurikulum Berkredit Di Kalangan Mahasiswa. International Journal Of Education, Psychology And Counselling (Ijpec), 30-37.
- Mohd Tahir, L., & Othman, O. (2010). Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi. Retrieved From Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository: [Http://Eprints.Utm.My/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.Pdf](http://Eprints.Utm.My/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.Pdf)
- Pustaka, D. B. (2017). [Https://Prpm.Dbp.Gov.My/](https://Prpm.Dbp.Gov.My/). Retrieved From Dewan Bahasa Dan Pustaka.: [Https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Kokurikulum](https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Kokurikulum)
- Reza, D. R. (2024, Jun 20). Free Malaysia Today . Retrieved From [Https://Www.freemalaysiatoday.Com/Category/Bahasa/Tempatan/2024/06/20/Tiada-Guna-Ranking-Universiti-Jika-Graduan-Kurang-Kemahiran-Insaniah-Kata-Majikan/](https://Www.freemalaysiatoday.Com/Category/Bahasa/Tempatan/2024/06/20/Tiada-Guna-Ranking-Universiti-Jika-Graduan-Kurang-Kemahiran-Insaniah-Kata-Majikan/)
- Wiersma. (2000). Research Method In Education: An Introduction (7th Edition). Allyn And Bacon .
- Zakaria, N., Mokhtar, N., & Muhamad Darus, F. (2023). Pembentukan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Service Learning Malaysia University For Society (SULAM) Di Universiti Teknologi MARA. Jurnal Personalita Pelajar 26(1):, 111-119. Memberi Peluang kepada Mahasiswa dalam Membangunkan Kemahiran.